

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

RPK 351 - Ekonomi Bandar dan Wilayah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

- 2 -

1. Firma/industri dan isirumah mempunyai kriteria pemilihan lokasi di bandar yang berbeza.

Jelaskan **Lima (5)** perbezaan **UTAMA** kriteria pemilihan tersebut. Sertakan contoh yang berkaitan.

(25 markah)

2. Ada pendapat yang menyatakan bahawa firma/industri francais di pinggir bandar **TIDAK PERLU** berkelompok dengan firma/industri lain untuk menikmati faedah dalaman dan luaran industri.

Jelaskan pendapat anda samada bersetuju atau tidak dengan saranan tersebut.

(25 markah)

3. Proses urbanisasi berkait rapat dengan perkembangannya industri di bandar. Jelaskan perkaitan tersebut. Sertakan contoh yang berkaitan.

(25 markah)

4. Elemen kos amat penting bagi penentuan lokasi firma di bandar. Jelaskan kos-kos yang perlu dipertimbangkan oleh firma sebelum membuat keputusan untuk menetap di bandar.

(25 markah)

5. Bincangkan unsur-unsur yang perlu diberi perhatian dalam pembentukan dasar pembangunan bandar.

(25 markah)

6. (a) Terangkan **DUA** kaedah untuk menentukan sesuatu aktiviti ekonomi itu aktiviti asas seperti yang digunakan dalam Teori Asas Eksport.

- (b) Terangkan ciri-ciri ‘industri utama’ dari ‘firma pendorong seperti yang digunakan dalam ‘Teori Kutub Pertumbuhan’.

(25 markah)

7. Terangkan model Input–Output dan kegunaannya dalam analisis ekonomi wilayah.

(25 markah)

8. Ketidakseimbangan wilayah kian meningkat di negara kita. Bincangkan ciri-ciri ketidakseimbangan ini dan strategi untuk mengatasinya.

(25 markah)